

13 JUN 2001

SEKULARISME: PAS MAHU RAKYAT DIBERI PENJELASAN LENGKAP

KUALA TERENGGANU, 13 Jun (Bernama) -- PAS hari ini mahukan rakyat diberi penerangan yang jelas berhubung sekularisme kerana bagi PAS, pengetahuan rakyat mengenai fahaman itu setakat ini masih rendah.

"Sekularisme adalah jelas satu penyelewengan tetapi penjelasan mengenainya perlu dipertingkatkan kerana ramai rakyat yang belum faham mengenai perkara itu," kata Timbalan Presiden PAS Abdul Hadi Awang.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan umat Islam menghentikan perdebatan mengenai sekularisme kerana istilah itu tidak wujud dalam Islam.

Menurut Dr Mahathir, Islam sebagai satu cara hidup merangkumi semua aspek kehidupan termasuk bidang pentadbiran dan industri pengeluaran, malah sekular ialah idea yang digunakan oleh orang Kristian (Eropah) untuk memisahkan gereja dengan pentadbiran beraja.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Abdul Hadi mendakwa pada masa ini masih ramai di kalangan masyarakat yang beragama Islam mengamalkan ideologi barat seperti kapitalis dan komunis yang berpunca daripada sekularisme.

"Islam sudah cukup lengkap dan kerana itu tidak diperlukan lagi ideologi yang lain dalam kehidupan mereka," katanya.

Menteri Besar Terengganu itu percaya jika masyarakat diberikan penjelasan secukupnya mengenai sekularisme, mereka akan menjadi umat yang kuat dalam menghadapi pelbagai cabaran pada masa kini dan akan datang.

-- BERNAMA
AYB MRA RON